

Rumah jadi mangsa limpahan

PUCHONG—Tidak menolak pembangunan perumahan baru namun penduduk Jalan Bertam di sini kesal apabila rumah mereka menjadi mangsa limpahan air berikutan tiada sistem perparitan sempurna didakwa diwujudkan di tapak projek pembangunan berhampiran kampung itu.

Difahamkan, akibat itu, limpahan air lumpur memenuhi rumah penduduk yang terletak di kawasan Kampung Baru Tambahan Batu 14 meski hujan didakwa tidak sampai 10 minit.

Lebih mengecewakan penduduk longkang yang terletak bersebelahan rumah mereka dipenuhi pasir menyebabkan saliran perparitan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik.

Penduduk, Martijah Abdullah, 72, berkata, selain menerima limpahan air dari tapak projek kondominium yang terletak lebih tinggi dari paras rumahnya, longkang sedia ada yang sebahagiannya dipenuhi pasir serta tanah merah tidak dapat menampung kuantiti hujan lebat.

Menurutnya, keadaan menjadi-jadi apabila hujan tidak menentu setiap petang kebelakangan ini menyebabkan dia dan keluarga terpaksa



Limpahan air lumpur dari projek pembangunan baru yang didakwa melimpah ke rumah penduduk Jalan Bertam.

membersihkan tanah merah yang melimpah masuk ke dalam kawasan rumah sejak tiga hari lalu.

“Hujan tidak sampai 10 minit pun air boleh melimpah masuk, jika rumah tidak ditambah tinggi, memang ia boleh masuk sampai ke dalam rumah.

“Kalau hujan tidak berhenti-henti memang rasa bimbang banjir berlaku kerana kita memang berada di tempat yang rendah,” katanya.

Martijah berkata, limpahan air dari projek kondominium didakwa berlaku kerana

tiada sistem saliran serta tembok yang boleh menghalang air masuk ke rumah penduduk di kawasan itu.

Katanya, air tidak sepatutnya masuk ke kawasan kampung kerana pemaju perlu membuat sistem perparitan sendiri.

“Saya minta sangat pihak berkenaan pantau benda ini sebelum banjir besar melanda rumah kami, pasir yang penuh dalam longkang itu perlu dibersihkan segera kerana ia tidak dapat menampung jumlah hujan luar biasa,” katanya.